

**BEGINI RUPANYA PERANGAI ORANG YAHUDI.** Oleh: Abdullah Izzat bin Tengku Sidek. Penerbit: Karya PiS Sdn. Bhd. 2024. Halaman 142. ISBN: 978-967-2910-32-9

Buku “Begini Rupanya Perangai Orang Yahudi” yang diterbitkan oleh Karya PiS Sdn. Bhd. ini ditulis oleh Abdullah Izzat bin Tengku Sidek yang juga merupakan ketua pegawai penyelidikan syarikat tersebut.

Buku ini ditulis untuk menerangkan sikap bangsa Yahudi seperti yang terkandung di dalam surah Al-Baqarah ayat ke 67 hingga 74 yang menceritakan tentang keengganan mereka untuk taat sepenuhnya dengan perintah Allah, suka bertanya-tanya walaupun perintah itu telah nyata kebenarannya, suka putar belit dan juga mencari helah untuk tidak menjalankan perintah tersebut.

Buku ini juga memberi kita ilmu untuk memahami kenapa sikap Yahudi pada hari ini sangat kejam menindas rakyat Palestin dan juga sebagai iktibar serta pedoman kepada kita supaya tidak menjadi seperti mereka. Hal ini seperti muslim yang percaya Allah tetapi banyak melawan dan berdolaldalih dengan perintah wahyu sehingga hati menjadi keras dan sanggup untuk menjatuhkan muslim yang lain dengan fitnah dan kekasaran.

Ia mengupas ayat sapi betina tersebut dengan mendalam melalui rujukan sumber yang dipercayai kesahihannya selain penggunaan ayat yang mudah dan dapat difahami oleh pelbagai lapisan masyarakat. Semoga dengan asbab buku ini dapat menjadikan kita sebagai muslim yang taat sepenuhnya kepada perintah al-Quran dan al-Sunah tanpa banyak kecurangan.

Ketebalan buku adalah sebanyak 142 muka surat dan mempunyai reka bentuk kulit buku berwarna yang sangat menarik. Buku ini bertemakan ilmiah yang disampaikan dengan cara yang begitu santai bagi mengelakkan daripada pembaca merasa bosan. Buku ini juga mempunyai panduan transliterasi dari bahasa Arab kepada bahasa Melayu untuk mengekalkan sebutan asal dalam bahasa Arab pada muka surat pertama.

Kemudian, ia diteruskan dengan ucapan kata pengantar pada muka surat 2 hingga 6 oleh ustaz Luqmanul Hakim Muhamad Jamil, pensyarah separuh masa Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) dan juga imam Masjid Tun Abdul Razak, Repoh, Perlis. Isi penting dalam kata beliau adalah untuk kita mengambil iktibar menjauhi syahwat atau hawa nafsu setelah datangnya ilmu kepada kita seperti yang berlaku dalam kisah Yahudi ini.

Selepas itu, buku ini diteruskan dengan pendahuluan dari penulis pada muka surat 7 hingga 10 yang menyatakan bahawa idea untuk menulis buku ini datangnya daripada gabungan dua buah kitab induk berbahasa Arab yang disusun semula oleh penulis iaitu Ma'a Qasas al-Sabiqin fi al

Quran karangan Shaykh Dr. Salah bin Abd al Fattah al Khalidi dan Awn al-Rahman fi Tafsir al Quran tulisan Shaykh Sulayman bin Ibrahim al Lahim.

Isi buku ini dimulakan dengan kisah pembunuhan seorang bangsa Israel yang bernama Amil pada zaman Nabi Musa Alaihissalam. Selepas mayatnya ditemui, kaumnya saling tuduh menuduh siapakah yang membunuh lelaki tersebut. Hal ini disebutkan dari muka surat 12 hingga 14 di dalam buku ini. Kisah ini merupakan ashabul nuzul kepada surah al baqarah ayat 67 hingga 74 yang menceritakan bagaimana Allah Taala menyuruh kaum bani Israel untuk menyembelih seekor lembu dan bagaimana reaksi sinis yang diberikan oleh mereka kepada Nabi Musa Alaihissalam pada muka surat 15 hingga 20.

Tadabbur ayat ini dimulakan pada muka surat 21 hingga 29 dengan pentingnya untuk manusia menerima, menyerah dan melaksanakan perintah Allah Taala walaupun perintah tersebut tidak tercapai dek akal. Hal ini sepertimana perintah Allah untuk menyembelih seekor lembu betina bagi menyelesaikan masalah pembunuhan yang diceritakan pada permulaan buku ini. Walaupun begitu, sikap Yahudi sejak dahulu enggan menurutinya. Penulis juga mengambil contoh moden seperti pecahan puak quranis yang percaya pada Allah Talala tetapi mereka ini tiada ketiga-tiga elemen iaitu menerima, menyerah dan melaksanakan perintah Allah Taala. Penulis juga mengambil ibrah dari cara penyampaian Nabi Musa Alaihissalam yang menjadi teladan untuk kita supaya menyusun ayat dengan baik supaya berita yang diterima oleh kita disampaikan dengan jelas dan difahami oleh orang lain. Bab ini juga ada menerangkan pendapat al Mawardi kenapa Allah memilih lembu dan bukannya haiwan yang selainnya.

Berikutnya pada muka surat 31 hingga 35, penulis menghuraikan sikap kaum bani Israel yang menganggap perintah Allah Taala yang disampaikan oleh nabi Musa Alaihissalam adalah bahan jenaka kerana bagi mereka perintah menyembelih lembu dengan mencari pembunuh kepada lelaki yang diceritakan pada awal buku ini sangat tidak masuk akal. Mereka tidak memiliki sikap dengar dan taat kepada perintah Allah dan Rasul sebaliknya merasakan bahawa mereka lebih tahu berbanding nabi itu sendiri. Hal ini dijawab oleh Nabi Musa Alaihissalam di dalam surah tersebut yang meminta perlindungan kepada Allah dari sifat-sifat yang tercela seperti mempersendakan kaumnya. Sesungguhnya hal ini iaitu menyembelih lambu betina itu adalah satu perkara yang benar-benar diperintahkan oleh Allah Taala kepada kaum Nabi Musa Alaihissalam sepertimana yang diterangkan pada muka surat 35 hingga 41.

Kemudian, pada muka surat 42 hingga 45, kaumnya membalas dengan perkataan yang kasar dan tidak menghormati Allah dan Rasul. Mereka sangat sombong walaupun mereka sendiri yang datang meminta bantuan nabi mereka. Apabila sesuatu perintah tidak sesuai dengan kehendak mereka, mereka mengatakan seakan-akan tuhan itu adalah tuhan Nabi Musa Alaihissalam dan bukan tuhan mereka juga. Hal ini diceritakan oleh Allah pada ayat yang ke 68 surah al-Baqarah.

Lihatlah betapa tidak bersyukur kaum bani Israel selepas melihat sendiri mukjizat laut terbelah setelah dikepung oleh Firaun. Penulis juga membandingkan sikap kaum nabi Musa Alaihissalam dengan sahabat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang sangat jauh perbezaannya. Sahabat baginda s.a.w dengar dan taat manakala kaum nabi Musa Alaihissalam adalah sebaliknya. Mereka meminta Nabi Musa Alaihissalam untuk menanyakan kepada Allah umur lembu yang diperintahkan untuk disembelih walhal ia sebenarnya tidak ada apa-apa manfaat langsung untuk ditanya. Hal ini kerana mereka suka mencari alasan dan masih terpengaruh dengan adat-adat kufur bangsa qibti yang memerlukan korban yang terpilih untuk menjalankan sesuatu upacara sihir. Penulis juga mengambil iktibar bagaimana sabarnya Nabi Musa Alaihissalam menghadapi ragam kaumnya yang suka membantah kerana mengharapkan mereka kembali kepada jalan yang benar. Hal ini dijelaskan pada muka surat 46 hingga 51.

Pada muka surat 52 hingga 55, penulis menjelaskan tentang suruhan Nabi Musa Alaihissalam kepada kaumnya untuk mempercepatkan perintah Allah Taala mencari lembu yang tidak terlalu muda dan tidak juga terlalu tua untuk disembelih supaya senang untuk mencari pembunuh tersebut sepertimana yang diterangkan di dalam surah al Baqarah ayat ke 68. Namun, sambungan pada muka surat 55 hingga 62 menerangkan bahawa kaum Nabi Musa Alaihissalam terus mempersoalkan jenis lembu yang perlu mereka cari untuk disembelih. Sangat ajaib sikap mereka ini. Kali ini mereka menanyakan warna lembu itu. Allah Taala membalas pertanyaan dengan menjadikan mereka bertambah sempit untuk mencarinya. Pada ayat surah al baqarah ayat 69, Allah Taala menyuruh kaum nabi Musa Alaihissalam untuk mencari lembu berwarna kuning terang yang sedap mata memandang. Lembu sebegini amatlah jarang ditemui pada waktu itu menurut penulis.

Namun demikian, pada muka surat 63 sehingga 71, kaum bani Israel masih lagi berdolok dalih dengan mengatakan mereka masih belum memahami kehendak Allah Taala dan terus menanyakan Nabi Musa Alaihissalam jenis lembu yang dimahukan. Mereka juga menyalahkan Allah Taala kerana tidak memberi petunjuk kepada mereka untuk mengenali lembu tersebut. Ini hanyalah alasan bagi mereka yang malas yang mencari dalih menurut penulis. Hal ini diterangkan di dalam surah al baqarah ayat yang ke 70. Lalu nabi Musa Alaihissalam menjawab dengan penuh sabar sebagai seorang pemimpin yang berwibawa bahawa Allah meminta mereka untuk mencari lembu yang tidak digunakan untuk bekerja, bebas dari kecacatan dan tidak tompok-tompok pada kulitnya. Hal ini seakan-akan seekor lembu yang dimanjakan oleh tuannya.

Muka surat 72 hingga 76 adalah rumusan separuh yang pertama tentang tadabbur surah ini yang menjelaskan sikap bani Israel yang merasakan mereka lebih tahu daripada nabi Musa Alaihissalam sehingga mereka pula yang menentukan benar dan salah sesuatu tindakan. Amat jelik kelakuan mereka yang tidak menghormati Allah Taala dan pesuruhnya. Selepas itu, penulis menyambung semula tadabbur ayat ke 71 surah al Baqarah pada muka surat 77 hingga 86. Terdapat dua isi utama yang dibahaskan iaitu sikap melengah-lengah bani Isreal terhadap perintah Allah Taala hampir

sahaja menyebabkan mereka tidak melaksanakan perintah tersebut dan faktor penggunaan kata Insyah Allah adalah kunci penemuan lembu betina yang ciri-cirinya amat sukar untuk ditemui. Hal ini menunjukkan keadilan Allah dengan menceritakan segala sisi baik dan buruk mereka. Isi-isi ranting yang dibincangkan pula adalah seperti riwayat kisah empunya lembu dan harga lembu tersebut apabila ditukar kepada nilai ringgit.

Pada muka surat 87 sehingga 92, penulis menceritakan sebab Allah Taala memerintahkan lembu betina untuk disembelih sepertimana yang terkandung pada ayat ke 72 dan 73 surah al baqarah. Penulis memuji teknik penceritaan di dalam al quran yang meletakkan kisah perintah menyembelih lembu dahulu sebelum menceritakan konteks ayat. Ia membuatkan para pembaca al quran tertanyanya apabila pertama kali membaca ayat tersebut. Ia juga bagi pendapat penulis supaya kita lebih fokus tentang mesej utama ayat tersebut iaitu tentang sikap kaum Yahudi yang buruk berbanding kisah mencari pembunuh Amil. Allah memerintahkan untuk memukul si mati itu dengan sebahagian daripada anggota lembu tersebut. Walaubagaimanapun bahagian anggota lembu tersebut diperselisihkan oleh para ulama namun ia bukanlah suatu perkara yang penting sepertimana dinyatakan oleh imam Al Tabari. Pada muka surat 93 hingga 99, penulis menjelaskan tentang tujuan memukul si mati dengan anggota lembu tersebut adalah untuk menghidupkan semula si mati supaya dia dapat menjelaskan siapakah pembunuh yang sebenar. Hal ini adalah untuk menunjukkan kuasa dan keagungan Allah Taala supaya manusia lebih tunduk dan taat kepadaNya dan juga sebagai peringatan akan hari kebangkitan bagi mereka yang mempercayainya. Penulis menambah Allah Taala boleh sahaja untuk terus menghidupkan si mati tersebut atau memberitahu secara langsung kepada nabi Musa Alaihissalam siapakah pembunuh lelaki itu akan tetapi ia adalah hikmah untuk kita memahami akan sikap kaum Yahudi yang sangat menjengkelkan hingga ke hari ini.

Pada muka surat 99 hingga 110, penulis menyambung tadabbur ayat 74 surah al Baqarah di mana si mati itu hidup dalam beberapa ketika memberitahu pembunuhnya dan kemudiannya mati semula. Pembunuh tersebut masih berani untuk berhujah bahawa dia bukan pembunuh yang sebenar. Amatlah malang apabila telah melihat kuasa Allah Taala Yang Maha Besar iaitu menghidupkan orang yang sudah meninggal dunia tetapi masih tidak mahu untuk tunduk dan patuh dengan arahanNya. Ia seperti tiada apa-apa yang berlaku sehingga masih berani untuk menipu walaupun telah nyata kebenaran. Disebabkan hal ini Allah Taala menyamakan hati-hati kaum bani Israel seperti batu malahan lebih keras dari itu. Dari kisah ini, penulis juga memberikan persamaan dengan hati bangsa Yahudi zaman sekarang yang tiada rasa belas kasihan membunuh anak-anak Palestin yang tidak berdosa walhal merekalah yang memberi izin untuk tinggal bersama setelah Yahudi dibantai orang rejim Nazi di Jerman. Penulis juga menyatakan bagaimana kisah ini sebagai bukti kebenaran Al-Quran yang menyatakan hakikat sesuatu bangsa melangkaui zaman. Seterusnya, penulis menyambung tadabbur ayat yang ke 74 sehingga akhir pada muka surat 112 hingga 118 yang menceritakan tentang batu yang tunduk dengan perintah Allah Taala berbanding

kaum Yahudi. Terdapat batu yang mengalir air dari bukit, ada juga batu yang terpancar oleh air dan ada juga batu dari atas yang jatuh ke bawah kerana takutkan Allah Taala seperti mana yang sedia maklum daripada kisah-kisah kaum nabi Musa di dalam Al-Quran yang juga diterangkan oleh penulis di dalam buku ini.

Pada muka surat 119 hingga 122, penulis membuat rumusan dengan menyenaraikan 9 perangai buruk kaum yahudi antaranya seperti menyembunyikan kebenaran, berakhlak buruk kepada nabi, tidak hormat perintah Allah taala, memandang rendah terhadap Allah taala, lalai terhadap suruhan Allah taala, degil, sibuk dengan perkara sia-sia, tidak mengutamakan apa yang perlu dan mempunyai hati yang keras seperti batu. Penulis menyambung rumusan ayat ini pada muka surat 123 hingga 130 dengan menyenaraikan 19 pengajaran yang kita sebagai orang yang beriman boleh ambil sebagai pedoman seperi bukti kerasulan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan Nabi Musa Alaihissalam, kepentingan mematuhi perintah Allah dan rasul, menunjukkan kekuasaan Allah, kepentingan menyampaikan sesuatu khabar dengan jelas dan teliti, jangan mencari helah untuk melanggar perintah agama, sentiasa berusaha untuk memperbaiki hati, meminta perlindungan Allah daripada kejahatan, jangan sengaja menyusahkan diri dengan perkara yang tidak perlu, fokus kepada perkara yang lebih utama, komited dalam melaksanakan perintah agama dan juga sentiasa menyebut insya Allah untuk merancang sesuatu perkara yang belum berlaku.

Sebagai penutup pada muka surat 131 hingga 135, penulis mengaitkan kisah bani Israel iaitu di dalam surah al baqarah dengan makna ayat terakhir surah al fatiha iaitu “bukan dari kalangan mereka yang dimurkai”. Penulis merujuk kepada tafsiran para sahabat nabi Sallallahu Alaihi Wasallam seperti Anas bin Malik, Ibn Abbas dan Ibn Mas’ud yang juga menyatakan tentang perkaitan tersebut. Penulis menasihati para pembaca supaya tidak mencontohi sikap mereka yang dimurkai Allah Taala atas faktor mengikut syahwat hawa nafsu lebih dari ilmu pengetahuan yang dimiliki. Penulis menyatakan kepentingan mencari ilmu dan beramal dengan perintah Allah dan Rasul untuk kejayaan dunia dan akhirat sepertimana doa yang kita minta sekurang-kurangnya 17 kali sehari iaitu “tetaplah kami di jalan yang lurus”.

### **Rujukan:**

Abdullah Izzat, S.N. (2024). *Begini Rupanya Perangai Orang Yahudi*. Karya PiS Sdn. Bhd

### **Luqman Mahmud**

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Bandar Baharu, Kedah

Jabatan Kebajikan Masyarakat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat